



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 26 APRIL 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LPNM GIAT KEMPEN 'SEKALI TANAM, TIGA KALI TUAI", NASIONAL, BH -7	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
2. 3. 4. 5.	MAQIS RAMPAS 16.3 TAN SARDIN ADA CACING, NEGARA, KOSMO -16 CACING PARASIT DALAM SARDIN, JOHOR BHARU, SH -27 CACING PARASIT DITEMUKAN DALAM TIN SARDIN DARI CHINA, NASIONAL, BH -28 ADA PARASIT 'TARIK' NYAWAI, LOKAL, HM -20	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7. 8.	PESAWAH MINTA BENIH PADI DISALUR TERUS KEPADA PETANI, NASIONAL, BH -20 JUALAN ANAK POKOK SAYUR LARIS MUSIM PANAS, DALAM NEGERI, UM -33 KEBUN KOMUNITI JIMAT PERBELANJAAN DAPUR, GAYA TANI, UM -26	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

LPNM giat kempen 'sekali tanam, tiga kali tuai'

**Penanaman nanas
seluas 10.2 hektar
di Pusat Koreksional
Jasin dengan
kerjasama Jabatan
Penjara Malaysia**

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Jasin: Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) memperhebatkan kempen penanaman nanas menggunakan konsep 'sekali tanam, tiga kali tuai' menerusi kerjasama pelbagai agensi, termasuk badan kerajaan yang lain.

Pengerusinya, Sheikh Umar Bagharib Ali, berkata kerjasama berkenaan bukan saja dapat memenuhi permintaan pengguna

yang semakin meningkat termasuk dari negara pengimport tanaman terbabit, malah merealisasikan saraman kerajaan untuk melaksanakan konsep yang sangat berbaloi itu.

"Setakat ini kerjasama membabitkan Jabatan Penjara Malaysia menerusi Pusat Koreksional Jasin dengan penanaman seluas 10.2 hektar di Lipat Kajang, di sini," katanya memaklumkan pihaknya akan bergerak lebih agresif untuk penanaman menggunakan konsep itu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan lawatan kerja ke projek penanaman nanas serta merasmikan Pusat Pengumpulan Nanas di Pusat Koreksional Jasin, di sini. Yang turut hadir Pengarah Pusat Koreksional Penjara Jasin, Mohd Idlan Jamil.

Mengulas konsep 'sekali tanam, tiga kali tuai', beliau berkata ia tiga elemen tuai dan de-
ngan yang pertama membabit-



Sheikh Umar (kanan) bersama Mohd Idlan (tengah) melihat nanas yang ditanam di Pusat Koreksional Jasin. (foto Amir Mamat/BH)

Nanas varieti MD2

Projek tanaman nanas di Jasin bermula 2018 membabitkan varieti MD2 di keluasan 0.6 hektar dan kini mencapai keluasan 10 hektar dengan penanaman varieti Morris dan Yankee.

Kerjasama lain diteruskan dengan pelaksanaan Projek Pengeluaran Benih LPNM Wilayah Tengah sejak tahun lalu dengan bantuan 42,000 sultur, bertujuan menjadikan Jabatan Penjara sebagai pengeluar benih berdaftar untuk wilayah membabitkan Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Selain Pusat Koreksional Jasin, LPNM turut menjalinkan

kerjasama berbentuk insentif sultur dan kursus teknik tanaman kepada Orang Yang Diselia (ODS) di tiga pusat koreksional lain bagi melaksanakan projek tanaman nanas meliputi Kem Penjara Gemas di Negeri Sembilan, Penjara Kluang di Johor serta Penjara Seberang Perai di Pulau Pinang.

Sheikh Umar Bagharib, berkata Pusat Pengumpulan Nanas dibangunkan itu diharap menjadi pusat utama pengumpulan hasil tanaman berkenaan bukan saja di Melaka, tetapi juga membabitkan pemborong dari Selangor, Pahang serta Johor.

Maqis rampas 16.3 tan sardin ada cacing

JOHOR BAHRU – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas 16.3 tan tin sardin dari China yang mengandungi cacing parasit *Anisakis* sp. di Bangunan Sultan Iskandar (BSI), di sini awal bulan ini.

Pengarahnya, Edie Putra Md. Yusof berkata, cacing parasit itu dikesan di dalam sardin berkenaan selepas pihaknya menghantar sampel makanan itu ke Jabatan Kimia untuk dianalisis. Katanya, penemuan itu dikesan setelah Maqis Johor menyita sebuah lori yang membawa muatan sardin dalam tin dianggarkan sebanyak 16,320 kilogram (kg) bernilai RM83,879 melalui pintu masuk negara.

"Tindakan sitaan terhadap lori itu dibuat berikutan sardin dalam tin itu diimport tanpa permit import daripada Maqis.

"Susulan itu, anggota Maqis membuat pemeriksaan lanjut secara fizikal terhadap sardin dalam tin dari China itu sebelum mendapati kehadiran bendasing dalam tin sardin berkenaan.

"Beberapa sampel tin sardin kemudian telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisis lanjut sebelum bendasing itu disahkan sebagai cacing parasit *Anisakis* sp," katanya dalam kenyataan semalam.



CACING parasit anisakis sp. dikesan dalam tin sardin yang diimport dari China.

Dalam pada itu, Edie Putra berkata, tindakan cuba mengimport sardin mengandungi cacing parasit itu adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 14 (a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Cacing parasit dalam sardin

Dikesan ketika produk dari China itu melalui pintu masuk negara

JOHOR BAHRU

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) Negeri Johor telah merampas 16,320 kilogram (kg) tin sardin yang mengandungi cacing parasit Anisakis sp.

Pengarahnya, Edie Putra Md Yusof berkata, sardin dianggarkan bernilai RM83,879.84 yang diimport dari Singapura itu dibawa sebuah Lori melalui pintu masuk negara di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini pada awal bulan ini.

Menurutnya, sitaan dilakukan susulan sardin dalam tin tersebut tidak mempunyai permit import daripada Maqis.

"Susulan itu, anggota Maqis membuat pemeriksaan lanjut secara fizikal

Cacing parasit Anisakis sp ditemui dalam tin sardin buatan China yang cuba diimport dari Singapura melalui pintu masuk negara di BSI, Johor Bahru, pada awal bulan ini.

FOTO: MAQIS



terhadap sardin dalam tin dari China ini sebelum mendapati kehadiran bendasing dalam tin sardin berkenaan.

"Beberapa sampel tin sardin kemudian telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis lanjut sebelum bendasing itu disahkan sebagai cacing parasit Anisakis sp," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, Edie Putra berkata, tindakan cuba mengimport sardin me-

ngandungi cacing parasit itu adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 14 (a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Tindakan mengimport barangan yang mengandungi perosak, penyakit atau bahan cemar yang berbahaya kepada pengguna boleh dihukum di bawah akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali," ujarnya.

Cacing parasit ditemukan dalam tin sardin dari China

MAQIS rampas produk, sita lori bawa muatan tanpa permit

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) mengesan kewujudan cacing parasit Anisakis sp dalam tin sardin dari China yang dirampas selepas cuba diimport masuk ke negara ini, awal bulan ini.

Pengarah MAQIS Johor, Edie Putra Md Yusof, berkata kewujudan cacing itu dikesan selepas sampel keseluruhan 16,320 kilogram tin sardin yang dirampas itu dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk tujuan analisis.

Beliau berkata, rampasan dilakukan selepas pihaknya menyita sebuah lori yang membawa muatan sardin dalam tin bernilai RM83,879.84 yang diimport dari Singapura melalui pintu masuk negara di Bangunan Sultan Iskandar (BSI), di sini, awal bulan ini.

"Tindakan sitaan terhadap lori itu dibuat berikutan sardin dalam tin itu tanpa permit import daripada MAQIS.

"Susulan itu, anggota MAQIS membuat pemeriksaan lanjut secara fizikal terhadap sardin dalam tin dari China itu sebelum mendapati kehadiran bendasing dalam tin sardin berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Bahaya kepada pengguna

Dalam pada itu, Edie Putra berkata, tindakan cuba mengimport sardin mengandungi cacing parasit itu adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 14 (a) Akta



Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Katanya, ia kerana mengimport barangan yang mengandungi perosak, penyakit atau bahan cemar yang berbahaya kepada pengguna dan boleh di hukum di bawah akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan, kesalahan itu boleh didenda maksima-

lum RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"MAQIS komited dalam menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk negara bagi memastikan tiada perosak dan penyakit yang memusnahkan negara demi menjamin keselamatan makanan negara," katanya.

Ada parasit 'tarik' nyawa!

Maqis rampas 16 tan sardin diimport dari China mengandungi cacing *Anisakis* sp.

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Cuba seludup masuk lebih 16 tan sardin buatan China yang mengandungi 'resepi' tambahan cacing parasit *Anisakis* sp. di dalamnya.

Tindakan yang boleh membahayakan nyawa pengguna itu bagaimanapun ditumpaskan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Johor susulan rampasan 16,320 kilogram (kg) tin sardin awal bulan ini.

Pengarah Maqis Johor, Edie Putra Md Yusof, berkata, penemuan cacing parasit di dalam sardin berkenaan diperolehi selepas agensi itu menghantar sampel sardin ke Jabatan

Kimia Malaysia untuk di-analisis.

Katanya, penemuan itu bermula apabila Maqis Johor menyita lori membawa muatan sardin dalam tin bernilai RM 83,879.84 yang diimport dari Singapura melalui pintu masuk negara di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini, awal bulan ini.

"Tindakan sitaan terhadap lori itu dibuat berikutan sardin dalam tin itu diimport tanpa permit import daripada Maqis.

"Susulan itu, anggota Maqis membuat pemeriksaan secara fizikal terhadap sardin dalam tin dari China

itu sebelum mendapati kehadiran bendasing dalam tin sardin berkenaan.

"Beberapa sampel tin sardin dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis sebelum bendasing itu disahkan cacing parasit *Anisakis* sp," katanya, semalam.

Dalam pada itu, Edie Putra berkata, tindakan mengimport sardin mengandungi cacing parasit itu suatu kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Katanya, ia kerana mengimport barangan mengandungi perosak, penyakit atau bahan cemar berbahaya kepada pengguna dan boleh di hukam mengikut akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



CACING parasit *Anisakis* sp. ditemui dalam tin sardin buatan China yang cuba diimport masuk ke negara ini melalui Johor, awal bulan lalu.

"Susulan itu, anggota Maqis membuat pemeriksaan secara fizikal terhadap sardin dalam tin dari China itu sebelum mendapati kehadiran bendasing dalam tin sardin berkenaan"

Pesawah minta benih padi disalurkan terus kepada petani

Langkah galak persaingan kualiti antara pengilang

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertubuhan Pesawah Pesawah Malaysia (Pesawah) menyarankan kerajaan memberi Insentif Benih Padi Sah (IBPS) terus kepada petani dan bukan kepada pengilang.

Ketika ini, IBPS disalurkan kepada pengilang dan petani perlu mendapatkannya daripada mereka.

Exco Pesawah, Abdul Rashid Yob, berkata perkara itu perlu diambil tindakan segera supaya berlaku persaingan kualiti antara pengilang.

Katanya, harga benih padi

yang naik hampir setiap tahun berasakan harga semasa padi (bukan harga minimum terjamin padi) disifatkan tidak adil kerana bukan semua pesawah mendapat harga semasa yang tinggi.

"Hanya di kawasan tertentu harga semasa adalah tinggi pada waktu-waktu tertentu sedangkan harga benih dijual dengan harga kawalan, malah lebih tinggi di semua kawasan.

"Harga minimum padi dan subsidi harga padi naik sangat perlahan sedangkan kos naik dengan cepat hampir setiap musim.

"Selepas kenaikan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dan harga padi, berlaku juga kenaikan sewa tanah dan jentera.

"Kenaikan kos ini kekal walaupun harga padi turun atau hasil berkurang," katanya dalam kenyataan, semalam.

Abdul Rashid berkata, berdasarkan rekod, harga beras putih tempatan (BPT) RM2.60 satu kilogram (kg) ditetapkan sejak 17 tahun lalu berasa-

skan harga padi RM1.20 sekilogram.

Harga patut seimbang

Sejak 2023, katanya, harga semasa padi di kawasan tertentu sudah naik kepada RM1.75 sekilogram.

"Secara munasabah tidak mungkin pengilang, pemborong dan peruncit dapat menjual beras RM2.60 sekilogram kerana ini merugikan.

"Ini adalah faktor kehilangan beras putih tempatan di pasa-

ran," katanya.

Justeru, beliau berkata, harga benih, padi dan beras yang dikawal kerajaan ketika ini sepatutnya seimbang.

Katanya, harga baharu beras putih import (BPI) dan BPT ditukar kepada kait BPI sudah enam bulan berada di pasaran dengan harga RM4 sekilogram.

"Oleh itu, harga benih tidak wajar dinaikkan kerana harga padi dan beras tidak naik," katanya.



Harga minimum padi dan subsidi harga padi naik sangat perlahan sedangkan kos naik dengan cepat hampir setiap musim

Abdul Rashid Yob, Exco Pesawah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Jualan anak pokok sayur laris musim panas



SANIDA BAKRON menyiram anak pokok sayur yang disemai di Kampung Bakat, Jabi, Besut. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

BESUT: Seorang usahawan tani memperoleh pendapatan berganda selepas anak pokok sayur dijual mendapat permintaan yang tinggi pada musim cuaca panas.

Sanida Bakron, 48, berkata, pada musim ini, permintaan anak pokok sayur yang dihasilkan mencecah sehingga RM10,000 sebulan iaitu bertambah sekali ganda berbanding bulan-bulan lain.

Beliau yang berkecimpung hampir 15 tahun dalam bidang semaian anak pokok sayur, kebiasaannya musim cuaca panas anak pokok lebih berkualiti dan bebas daripada serangan penyakit seperti pelombong daun atau kutu daun.

"Cuaca panas menyebabkan anak-anak pokok mendapat cahaya matahari yang cukup dan hanya perlu menjaga kadar siraman pokok setiap hari.

"Jika kebiasaan pokok sayur-sayuran hanya disiram sekali sehari tetapi pada cuaca panas ia perlu disiram sekurang-kurangnya dua kali sehari bagi memastikan anak pokok mendapatkan air yang cukup," katanya ketika ditemui di Kampung Bakat, Jabi di sini.

Sanida berkata, ketika cuaca panas juga anak pokok sayur-sayuran lebih senang dibiak dan diturunkan termasuk proses pembajaan.

Katanya, kebanyakan petani

mengambil kesempatan menanam menyebabkan permintaan anak pokok sayur meningkat mendadak berbanding musim tengkujuh.

"Dalam tempoh seminggu tempahan anak pokok mencecah sehingga 2,000 pokok, ini kerana golongan petani mula menanam kembali termasuk mereka yang menjalankan tanaman fertigasi.

"Antara anak pokok sayur yang mendapat permintaan yang tinggi adalah lada, sawi, terung, kubiis, timun dan banyak lagi," katanya.

Sanida berkata, setakat ini, kira-kira 100 jenis anak pokok ditawarkan pada harga RM1 sehingga RM25 mengikut jenis dan saiz.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	26



KEBUN Komuniti Melati mampu menghasilkan 30 kilogram cili sehari setiap musim.

Oleh JULIA ISMAIL
gayautusan@mediamalaysia.com.my

Kebun komuniti jimat perbelanjaan dapur

MELALUI program kebun komuniti, penduduk bukan sahaja memperoleh ilmu bertani, malah dapat menuai hasil tani berkualiti serta peluang mengurangkan perbelanjaan penduduk yang majoritinya adalah dalam kalangan kurang berkemampuan.

Bagi penduduk Pangsapuri Melati, Taman Bukit Subang, Shah Alam, penubuhan kebun komuniti Beyond Benih tajaan British American Tobacco Malaysia (BAT Malaysia) memberi banyak nilai tambah kepada mereka.

Antara paling ketara adalah memupuk nilai harmoni dan mengeratkan komuniti melalui aktiviti pertanian.

Pengerusi Pertubuhan Kebun Komuniti Melati, Mohd. Tarmizi Anuar berkata, kebun berkenaan banyak membantu penduduk sekitar untuk mendapatkan sayur-sayuran pada harga yang murah.

"Kebun ini diusahakan 15 penduduk yang ditugaskan bergilir-gilir untuk menjaga kebun. Hasil tanaman akan dijual kepada penduduk pada harga yang murah.

"Hasil jualan digunakan semula bagi pengurusan kebun dan juga bayaran saguhati kepada 15 penduduk yang terlibat. Secara keseluruhan komuniti dapat menikmati tanaman segar dari ladang pada harga yang jauh lebih murah dari pasaran," katanya.

Melalui program berkenaan, penduduk terlibat mengusahakan kebun mendapat ilmu bertani selain dapat mengisi masa lapang bagi individu yang sudah berpencaharian.

Program seperti itu harus diperluaskan kerana kesedaran terhadap kemampuan sara diri melalui pertanian harus dipertingkatkan.

MERIAH TUAI HASIL

Penduduk, Nadia Dahalan,



FAIRUZ Helmi (tengah) dan Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Komoditi, Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Anuar Tawe (baju putih) bersama sebahagian penduduk Pangsapuri Melati yang terlibat dengan Kebun Komuniti Beyond Benih.



MOHD Tarmizi (kanan) menunjukkan hasil Kebun Komuniti Melati kepada Fairuz Helmi dan Anuar Tawe.

33, berkata, musim tuaian hasil tanaman adalah waktu ditunggu-tunggu penduduk pangsapuri kerana suasana ketika itu sangat meriah.

Penduduk akan beramai-ramai berkumpul di kawasan jualan dan membeli tanaman yang diingini.

"Kami berjumpa dengan jiran-jiran yang jarang bertemu malah turut berpeluang membuat kawan baharu.

"Seronok suasana setiap kali jualan diadakan. Harga sayuran juga lebih murah berbanding di kedai," katanya.

Antara tanaman ditanam adalah cili, terung dan peria.

Tanaman-tanaman ini di tanam dengan amalan pertanian terbaik dan ilmu pertanian telah diberikan kepada penduduk yang terlibat dalam penjagaan kebun.

Pada musim tuaian, kebun komuniti ini mampu

menghasilkan 30 kilogram (kg) cili sehari dan hasil tuaian akan dijual semula kepada komuniti setempat.

Pangsapuri itu turut aktif dengan pelbagai aktiviti-aktiviti penduduk setempat.

Selain turut terlibat dengan pelbagai latihan dan kemahiran disediakan oleh pelbagai organisasi kerajaan dan juga swasta.

Rata-ratanya suri rumah berniaga sama ada secara fizikal dan juga dalam talian dan masing-masing membantu dan menyokong perniagaan masing-masing.

Menurut penduduk, kewujudan kebun komuniti itu juga menjadikan tanah-tanah yang terdapat di sekeliling pangsapuri dimanfaatkan dengan tanaman seperti kunyit, serai, daun kari, nanas dan beberapa tanaman herba yang lain. Tanaman-tanaman ini diberikan percuma kepada yang menginginkan.

PROGRAM TAJAAN

Kebun Komuniti Pangsapuri Melati merupakan antara kebun komuniti di bawah program Beyond Benih

tajaan BAT Malaysia.

Setakat ini terdapat dua kebun yang berjaya dibuka dan diserahkan sepenuhnya kepada penduduk iaitu di Shah Alam dan juga di Tanjung Karang.

Pengarah Hal Ehwal Luar BAT Malaysia, Fairuz Helmi berkata, Beyond Benih adalah sebahagian daripada komitmen BAT Malaysia ke arah membina A Better Tomorrow dengan mewujudkan masa depan saksama dan mampan untuk semua.

Setakat ini, BAT Malaysia berjaya menyiapkan dua kebun dan melancarkan 10 lagi kebun serupa di seluruh Semenanjung Malaysia yang kini dalam proses persiapan.

"Visi di sebalik Beyond Benih adalah untuk membolehkan masyarakat mengusahakan tanaman mereka sendiri menggunakan amalan pertanian mampan.

"Dengan melengkapkan mereka dengan peralatan, pengetahuan dan sumber yang diperlukan, kami membuka jalan kepada mereka untuk berdikari dan berdaya tahan," jelasnya.